

MAHATHIR - ISLAM

1985

KUALA LUMPUR, 28 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA DAN KEBANGSAAN YANG DIADAKAN SETIAP TAHUN BUKANLAH SUATU PEMBAZIRAN. PERDANA MENTERI PERCAYA IA DAPAT MENDEKATKAN UMAT ISLAM KEPADA AL-QURAN DAN MENDALAMI KEFAHAMAN MEREKA MENGENAI KANDUNGAN KITAB SUCI ITU.

ISLAM SENDIRI MENGGALAKKAN PARA PENGANUTNYA MEMBACA AL-QURAN DALAM BULAN PUASA, OLEH ITU + APALAH SALAHNYA KITA MEMBACANYA DI DEPAN ORANG RAMAI, + KATA BELIAU.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN SEMASA BERUCAP KEPADA PARA ANGGOTA JAWATANKUASA PUSAT MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN PERINGKAT ANTARABANGSA SELEPAS MELAWAT ASTAKA MUSABAQAH ITU DI STADIUM MERDEKA MALAM INI UNTUK MENINJAU PERSIAPAN BAGI MUSABAQAH ITU YANG AKAN BERLANSUNG SELAMA LIMA HARI MULAI 5 JUN INI.

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN TIDAK RAGU MENGENAI MANFAAT DAN KEBAIKAN MENGANJURKANNYA SEJAK NEGARA MENCAPAI KEMERDEKAAN, APATAH LAGI KINI IA SEMAKIN MENDAPAT SAMBUTAN DARIPADA MASYARAKAT ISLAM ANTARABANGSA. -- LAGI

2318MST 28 05 85

0007

U B300 DEB

MAHATHIR - ISLAM 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYANGKAL PENDAPAT SESETENGAH GOLONGAN KONONNYA MENGADAKAN MUSABAQAH DALAM BULAN PUASA AKAN HANYA MENGGANGGUI IBADAT PUASA SAHAJA.

PERDANA MENTERI BERKATA, RAKYAT KHUSUSNYA MEREKA YANG BERAGAMA ISLAM HARUSLAH BERSYUKUR KERANA IA DAPAT DIADAKAN SETIAP TAHUN DISEBABKAN KEADAAN NEGARA YANG AMAN DAN BEBAS DARIPADA MALAPETAKA DAN ANCAMAN.

KATANYA, TIDAK SEBAGAIMANA DI SALAH SEBUAH NEGARA DI ASIA BARAT YANG KINI UMAT ISLAM BERBUNUH-BUNUHAN SESAMA SENDIRI SEHINGGA MEREKA YANG MATI ADALAH LEBIH RAMAI DARIPADA YANG DIBUNUH OLEH BUKAN ISLAM DI SHABRA DAN SHATILA.

SALAH SATU SEBAB KEJADIAN ITU, KATA BELIAU, IALAH UMAT ISLAM TIDAK MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN AL-QURAN.

BELIAU JUGA BERKATA, DI BANGLADESH BARU-BARU INI SATU MALAPETAKAN, IAITU TAUHAN TELAH MELANDA NEGERI ITU MENYEBABKAN BERIBU-RIBU ORANG TERKORBAN.

PENGERUSI JAWATANKUASA PUSAT MUSABAQAH MEMBACA AL-QURAN, DATUK SERI KAMARUDDIN MAT ISA BERKATA, SETAKAT INI 23 NEGARA-NEGARA ISLAM DAN NEGARA-NEGARA SAHABAT, TERMASUK MALAYSIA TELAH MEMBERI PERAKUAN AKAN MENGHANTAR PESERTA MEREKA, YANG KESEMUAANYA SERAMAI 23 QARI DAN SEMBILAN QARIAH.

MESIR JUGA BERSETUJU MENGHANTAR DUA ORANG HAKIM, DAN ARAB SAUDI, LIBYA, TURKI, EMIRIYAH ARAB BERSATU (UAE), THAILAND, INDONESIA DAN MALAYSIA MADING-MADING AKAN MENGHANTAR (P)

0000